



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 29 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Pelaku Kes Dera Kanak-Kanak Biasanya Dikenali Mangsa – Nancy https://www.buletintv3.my/nasional/pelaku-kes-dera-kanak-kanak-biasanya-dikenali-mangsa-nancy/#google_vignette https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1316944/pelaku-kes-dera-kanak-kanak-biasanya-dikenali-mangsa-orang-terdekat https://www.kosmo.com.my/2024/10/28/3597-kes-dera-kanak-kanak-seluruh-negara/ https://themalaysiapress.com/kpwkm-sasar-300-sekolah-sertai-program-advokasi-kasih-kanak-kanak/ https://www.youtube.com/watch?v=0ybHXYH8tTI https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kadar-pengabaian-kanak-kanak-terus-meningkat-x985tli	Buletin TV3 Berita Harian Kosmo The Malaysia Press Astro Awani Astro Awani	Neutral
2.	Kanak-Kanak GISBH Dipulangkan Selepas Ada Perintah Mahkamah https://www.edisi9.com.my/2024/10/kanak-kanak-gisbh-dipulangkan-selepas-ada-perintah-mahkamah/	Edisi 9	Neutral

<p>https://thesun.my/malaysia-news/op-global-welfare-dept-carefully-reviewing-68-applications-to-return-rescued-children-nancy-HA13206472</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2024/10/28/jkm-proses-68-permohonan-kembalikan-anak-diselamat-op-global/</p> <p>https://international.astroawani.com/malaysia-news/gisb-probe-welfare-dept-carefully-reviewing-68-applications-return-rescued-children---nancy-493801</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php?id=2357145</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/131692/3/54-kanak-kanak-diselamatkan-dalam-op-global-sudah-diserah-kepada-ibu</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-global-68-permohonan-perintah-mahkamah-kembalikan-kanak-kanak-diselamatkan-sedang-diproses---nancy-493796</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/28/gisb-probe-welfare-dept-carefully-reviewing-68-applications-for-return-of-rescued-kids-says-nancy</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/gisbh-68-kanak-kanak-dalam-proses-dapatkan-perintah-mahkamah-untuk-diserah/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/28/gisbh-ada-kes-berebut-anak-siasatan-terperinci-tentukan-penjaga-layak-nancy/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/op-global-68-permohonan-perintah-mahkamah-kembalikan-kanak-kanak-diselamatkan-sedang-diproses-FA13206571</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149193/jkm-serah-kanak-kanak-yang-diselamatkan-atas-arahan-mahkamah</p>	<p>The Sun</p> <p>FMT</p> <p>International Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Star</p> <p>Utusan</p> <p>Kosmo</p> <p>The Sun</p> <p>Harian Metro</p>	
--	--	--

	<p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/gisbh-68-permohonan-perintah-mahkamah-kembalikan-kanak-kanak-diselamatkan-sedang-diproses</p> <p>https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/10/1126548/rescued-gisb-children-be-returned-parents-only-through-court</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=T3YNV_wAAag</p> <p>https://newswav.com/article/op-global-welfare-dept-carefully-reviewing-68-applications-to-return-rescue-A2410_14ZavA</p> <p>https://headtopics.com/my/gisb-probe-welfare-dept-carefully-reviewing-68-60976106</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2357125</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/724196</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/693565/berita/semasa/op-global-68-permohonan-perintah-mahkamah-kembalikan-kanak-kanak-sedang-diproses</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/op-global-54-kanak-kanak-diselamatkan-sudah-diserah-kepada-ibu-bapa/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=QzY0Gy7pIVQ</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=bdlrT-IMv3Q</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=6yWNTkUMFsE</p>	<p>Berita RTM</p> <p>NST</p> <p>NST Online</p> <p>Newswav</p> <p>Headtopics</p> <p>Bernama</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernama TV</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernama Official</p>	
3.	<p>Tergamak Tinggal Lima Anak Demi Suami Baharu</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149179/tergamak-tinggal-lima-anak-demi-suami-baharu</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

4.	<p>Remaja Terlantar Alami Sawan Setiap Hari, Abangnya Pula Injap Jantung Bocor</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/28/remaja-terlantar-alami-sawan-setiap-hari-abangnya-pula-injap-jantung-bocor/</p>	Malaysia Gazette	Neutral
5.	<p>Lelaki Nepal Cuba Culik Kanak-Kanak Di Rawang Dipercayai Terlalu Rindu Anak</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-nepal-cuba-culik-kanak-kanak-di-rawang-dipercayai-terlalu-rindu-anak-493791</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/28/rindu-anak-punca-lelaki-nepal-cuba-culik-kanak-kanak-2-tahun/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/rindu-anak-dipercayai-punca-lelaki-nepal-cuba-culik-kanak-kanak-di-kuang/</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/rindu-anak-dipercayai-punca-lelaki-nepal-cuba-culik-kanak-kanak/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/rindu-anak-punca-lelaki-warga-nepal-cuba-culik-kanak-kanak/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149073/rindu-anak-punca-lelaki-nepal-cuba-culik-kanak-kanak-di-kuang</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=dcBqq1fP5Lg</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2357113</p>	Astro Awani Kosmo Utusan Selangor Kini Buletin TV3 Harian Metro Buletin TV3 Bernama	Neutral
6.	<p>Kos Lebih Tinggi Apabila Bekerja Antara Faktor Wanita Tinggalkan Kerjaya</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/693482/berita/nasional/kos-lebih-tinggi-apabila-bekerja-antara-faktor-wanita-tinggalkan-kerjaya</p>	Sinar Harian	Neutral

7.	<p>Penagih, Ibu Tunggal Paling Ramai Tinggal Anak Di Rumah Amal</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/29/penagih-ibu-tunggal-paling-ramai-tinggal-anak-di-rumah-amal/#google_vignette</p>	Kosmo	Neutral
8.	<p>Warga Emas Tidak Pulang Selepas Keluar Menangkap Ikan Ditemukan Lemas</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-tidak-pulang-selepas-keluar-menangkap-ikan-ditemukan-lemas/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/28/warga-emas-ditemukan-lemas-di-sungai-pinang-semporna</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
9.	<p>'Walk With Me With Me' Pupuk Kesedaran Kewujudan OKU Dalam Masyarakat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/693680/edisi/terengganu/walk-with-me-with-me-pupuk-kesedaran-kewujudan-oku-dalam-masyarakat</p>	Sinar Harian	Neutral
10.	<p>'Kami Pula Kena Maki Hamun</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/10/1149077/kami-pula-kena-maki-hamun</p>	Harian Metro	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

PELAKU KES DERA KANAK-KANAK BIASANYA DIKENALI MANGSA – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri (tiga kanan) bersama Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli (dua kiri) pada Majlis Pelancaran Program Advokasi KASIH Kanak-Kanak di SMK Abi, Kangar, hari ini. - FOTO: NSTP

KANGAR: Kebanyakan pelaku kes penderaan terhadap kanak-kanak adalah individu atau orang dikenali mangsa dera itu sendiri seperti ibu, bapa dan orang yang mempunyai kaitan dengan ibu serta bapanya.

Bagi tempoh 2018 hingga tahun lalu, terdapat kira-kira 3,597 kes penderaan kanak-kanak direkodkan berlaku di negara ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak berlaku apabila mangsa dcederakan atau tidak dijaga dengan baik.

Beliau berkata, kebanyakan kes membabitkan pelaku dalam kalangan individu yang dikenali kanak-kanak terbabit, menyebabkan orang sekeliling perlu peka bagi mengetahui jika sesuatu tidak betul berlaku.

“Adalah penting untuk kita belajar bagaimana mengenali apabila sesuatu tidak betul berlaku membabitkan kanak-kanak itu kerana pelaku biasanya dalam kalangan individu dikenali mereka. Selain itu, kita perlu tahu kepada siapa boleh minta bantuan jika kejadian itu berlaku.

“Kita ada program KASIH Kanak-Kanak bertujuan membantu semua orang mengetahui apa yang perlu dilakukan jika kanak-kanak berada dalam bahaya, malah sekarang ada pelbagai ceramah dan pameran anjuran agensi yang berusaha menjaga keselamatan kanak-kanak,” katanya berucap merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak Peringkat Perlis 2024 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abi, di sini hari ini.

Kira-kira 1,000 pelajar dan guru sekolah di Perlis hadir dalam program advokasi bagi mendidik serta memberi perlindungan kepada kanak-kanak supaya mereka selamat, bahagia dan sihat.

Turut hadir, Menteri Besar, Mohd Shukri Ramli; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Dr Maziah Che Yusoff; Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Che Murad Sayang Ramjan dan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Pengurusan Bencana Perlis, Megat Hashirat Hassan.

Nancy berkata, pihaknya sudah menetapkan sasaran untuk menjalankan program berkenaan di 300 sekolah di seluruh negara pada tahun ini bagi memastikan dapat mencapai sebanyak mungkin kanak-kanak supaya mereka terus dilindungi daripada sebarang pengabaian dan penderaan.

“Setakat ini, 288 sekolah sudah melaksanakan program seperti ini membabitkan lebih 140,000 pelajar dan dalam usaha ini, semua pihak perlu bertanggungjawab membantu mengawasi kes seumpama ini daripada berlaku, bukan diserahkan kepada polis saja,” katanya.

Nancy berkata, kementeriannya sudah mewujudkan Talian Kasih iaitu 15999 yang membolehkan seseorang meminta bantuan, membuat aduan atau bercakap dengan seseorang lain jika berasa tidak selamat.

“Talian Kasih di 15999 adalah talian khas untuk membantu semua orang berasa selamat, dilindungi dan berani bersuara,” katanya.

KANAK-KANAK GISBH DIPULANGKAN SELEPAS ADA PERINTAH MAHKAMAH

KANAK-KANAK yang diselamatkan dalam serbuan Op Global dari rumah jagaan dikaitkan dengan Global Ikhwan Service & Business Holdings (GISBH) dipulangkan kepada ibu bapa dan penjaga yang sah selepas mendapat perintah dari mahkamah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kanak-kanak terbabit tidak boleh diserahkan tanpa melalui prosedur mahkamah atas kebimbangan mereka mungkin diberi kepada individu salah dan bukan ibu bapa sebenar.

Beliau berkata, setakat semalam, daripada 560 kanak-kanak dan remaja yang diselamatkan, seramai 54 orang sudah dikembalikan kepada ibu bapa dan penjaga sah atas arahan mahkamah.

“Sekarang ada 68 permohonan tuntutan terhadap kanak-kanak ini yang sedang menjalani proses siasatan dan dokumentasi sebelum mahkamah memutuskan arahan selanjutnya.

“Perlu difahami kanak-kanak yang diselamatkan ini bukan diambil dari tangan ibu bapa atau penjaga di rumah sendiri.

“Mereka diselamatkan di premis penjagaan yang mana ibu bapa dan penjaga tidak berada bersama.

“Dalam situasi ini, bagaimana kita nak menentukan yang datang menuntut itu benar-benar ibu bapa atau penjaganya.

REMAJA TERLANTAR ALAMI SAWAN SETIAP HARI, ABANGNYA PULA INJAP JANTUNG BOCOR



Noor Suraya (kanan) memantau keadaan Noor Qaira Danisah yang hanya terlantar di PPR Bandar Baru Uda, Johor Bahru, hari ini

JOHOR BAHRU – Seorang remaja yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bandar Uda Utama, di sini, mengalami sawan berulang setiap hari dan memerlukan pemerhatian 24 jam.

Menurut ibunya, Noor Suraya Saidin 39, anak bongsunya daripada empat beradik, Noor Qaira Danisah Mohd Idzwan, 13, mengalami sakit itu sejak lahir.

Dia berkata, Noor Qaira Danisah menghidap Rett Syndrome atau penyakit genetik iaitu menjejaskan perkembangan otak, mengakibatkan kecacatan kognitif dan fizikal yang serius.

Katanya, penyakit itu yang jarang berlaku menyebabkan Noor Qaira Danisah perlu dijaga setiap masa.

“Sejak lahir, Noor Qaira mengalami sawan disebabkan ketika dalam kandungan, dia kekurangan oksigen dan lemas.

“Sejak itu sehingga usianya 13 tahun, keadaan Noor Qaira umpama bayi kerana hanya mampu baring tanpa boleh menggerakkan anggotanya selain tulang belakangnya semakin membengkok.

“Pada setiap hari, dia mengalami sawan hampir 10 kali walaupun kami memberikan ubat,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumahnya, hari ini.

Noor Suraya berkata, memang sukar bagi menjaga Noor Qaira kerana keadaannya tidak seperti remaja lain yang sihat.

Menurutnya, kehadiran Noor Qaira benar-benar menguji kesabarannya sebagai seorang ibu yang perlu menjaga dan merawatnya sepenuh masa.

“Saya terpaksa berhenti kerja sejak kelahiran Noor Qaira kerana keadaannya yang memerlukan pengawasan dan penjagaan.

“Namun bagi menampung perbelanjaan Noor Qaira, saya terpaksa bekerja sambilan termasuk bekerja di restoran untuk meringankan beban suami,” katanya.

Kebiasaannya ujar Noor Suraya, dua anaknya berumur 17 dan 16 tahun membantu menguruskan kerja rumah dan menjaga Noor Qaira selepas waktu persekolahan sekiranya dia keluar bekerja.

Dia memberitahu, kos perbelanjaan rawatan dan pembelian keperluan Noor Qaira dianggarkan lebih RM2,000 sebulan iaitu susu Nutren Optimum berharga RM45 yang bersaiz kecil dan RM89 bersaiz besar.

Seain itu katanya, keluarga mereka juga perlu menanggung kos bagi menukar tiub yang ditebuk di bahagian perut.

Malah keluarganya kata Noor Suraya, perlu membeli lampin pakai buang bagi kegunaan Noor Qaira.

Ujarnya, mereka menerima bantuan Baitulmal sebanyak RM300 dan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM500 sebulan bagi kategori pesakit terlantar.

“Suami, Mohd Idzwan Jamari, 42, hanya bekerja sebagai penghantar surat di sebuah syarikat swasta.

“Di samping itu, anak ketiga kami, Mohamad Daiyen Danie, 15, juga menghadapi masalah injap jantung bocor dan menjalani pembedahan jantung di Institut Jantung Negara (IJN) pada 2018 dan masih perlu menjalani pemeriksaan doktor lima bulan sekali,” katanya.

Noor Suraya berkata, namun begitu kadang-kala mereka sekeluarga mengikat perut bagi memastikan dapat memenuhi keperluan Noor Qaira.

“Walaupun doktor menyatakan peluang bagi Noor Qaira sembuh adalah amat tipis, namun sebagai ibu saya berharap keadaannya berubah,” katanya.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian menerusi akaun Maybank 151548280460 Noor Suraya Saidin atau menghubunginya di 01137373902.- MalaysiaGazette

KOS LEBIH TINGGI APABILA BEKERJA ANTARA FAKTOR WANITA TINGGALKAN KERJAYA



Program 'She Leads 5' akan berlangsung pada 29 Oktober ini membawakan dua panelis, Daneena Rahman dan Nini Marini. Gambar kecil: Bibi Sunita

SHAH ALAM - Ramai wanita berpendidikan tinggi terutama golongan profesional mengambil langkah meninggalkan kerjaya dan memilih menjaga anak di rumah.

Pengasas Persatuan Gerak Wanita Islam Malaysia (Gerakwanis), Bibi Sunita Sakandar Khan berpandangan, pelbagai faktor mempengaruhi keputusan tersebut antaranya bayaran pusat jagaan yang tinggi serta kos sara hidup semakin meningkat.

“Sekiranya mereka pilih untuk terus bekerja, lebih banyak kos terpaksa ditanggung. Oleh itu mereka tekad untuk cari alternatif lain seperti menjalankan aktiviti perniagaan dalam talian.

“Cuma tidak ramai yang mampu kekal dan bertahan dalam perniagaan kerana kurang ilmu dalam bidang berkenaan,” katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Dalam pada itu menurut Bibi Sunita, statistik tenaga buruh pada 2023 menunjukkan seramai 4.81 juta wanita berada di luar tenaga buruh yang mana 43.9 peratus daripadanya disebabkan oleh tanggungjawab terhadap keluarga.

Justeru ujar beliau, pihak berwajib perlu melaksanakan intervensi bagi membantu golongan wanita yang tinggalkan kerjaya untuk sertai bidang keusahawanan.

“Perluaskan ekonomi gig kepada golongan wanita, suntikan dana atau pinjaman yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 perlu disertakan dengan komitmen kerajaan seperti latihan dan pembangunan mental serta fizikal.

“Kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) wanita perlu dipertingkatkan agar berperanan menjadi pengantara memantau petunjuk prestasi utama (KPI) wanita terlibat.

“Di samping itu perlu ada kaunseling kesihatan mental bagi keseimbangan kehidupan wanita yang kian mencabar,” ujarnya.

Banyak lagi kupasan akan dikongsikan menerusi program She Leads 5 pada 29 Oktober yang memberi fokus pada tajuk Bold Career Moves: Shift or Stay?

Program anjuran Sinar Daily itu akan diadakan di Auditorium Kompleks Kumpulan Karangkrif dengan membawakan dua panelis iaitu pengarah syarikat korporat dan akauntan, Daneena Rahman serta Nini Marini, seorang ibu kepada tujuh anak yang berani beralih dari dunia korporat ke dunia seni.

'WALK WITH ME WITH ME' PUPUK KESEDARAN KEWUJUDAN OKU DALAM MASYARAKAT



Seramai 100 mahasiswa UniSZA masing-masing membawa 100 peserta OKU sehingga ke garisan penamat sempena Program Walk With Me yang diadakan di Kampus Gong Badak pada Sabtu lalu.

KUALA NERUS - Seramai 100 orang kurang upaya (OKU) menyertai Program Walk With Me bagi memupuk kesedaran terhadap kewujudan golongan tersebut dalam kalangan masyarakat.

Program anjuran Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang berlangsung di Kampus Gong Badak pada Sabtu itu turut disertai 200 ibu bapa kepada peserta OKU tersebut.

Dekan Fakulti, Profesor Madya Dr Nazli Ismail berkata, kesedaran mengenai keutamaan terhadap golongan OKU itu harus dipupuk sejak kecil agar mereka tidak dipinggirkan dalam masyarakat.

"Seramai 100 mahasiswa UniSZA menyertai Program Walk With Me yang melibatkan peserta OKU dari Persatuan Kebajikan Anak Permata Syurga Terengganu, Persatuan Orang Kurang Upaya Anggota Terengganu, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kuala Nerus dan Kelab Siswa Istimewa (KSI).

"Sepanjang program ini, setiap peserta OKU akan berjalan bersama mahasiswa UniSZA secara berpasangan bagi membuktikan mereka boleh melakukan aktiviti seperti orang lain, namun dengan bantuan.

"Jadi, kita beri peluang kepada pelajar UniSZA untuk melakukan larian bersama-sama golongan OKU dari awak garisan permulaan sehingga penamat," katanya kepada Sinar Harian di sini pada Selasa.

Jelas beliau, program tersebut dapat mendekatkan mahasiswa dengan golongan OKU, selain memberi kesedaran dan rasa empati dalam diri mahasiswa terhadap cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan rentan itu.

Selain itu, katanya, program tersebut turut mengumpul dana untuk disalurkan kepada mereka memerlukan bagi memberi menjamin agar kebajikan golongan tersebut terjaga.

Sementara itu, Presiden Persatuan Orang Kurang Upaya Terengganu (POKUAT), Fakhruddin Zakaria berkata, program itu memberi peluang kepada golongan mahasiswa memahami cabaran dan cara bergaul dengan golongan berkenaan.

"Program ini amat baik malah saya terharu melihat mahasiswa, pengurusan tertinggi, pensyarah dan pegawai UniSZA turun untuk menyantuni golongan OKU, sekaligus dapat merapatkan jurang di antara golongan OKU dan mahasiswa.

"Ia juga boleh menjadi sebahagian kempen kesedaran bahawa golongan OKU perlu disantuni, dan di bawa bersama masyarakat," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berharap pelbagai program bersama golongan OKU dapat diadakan bersama UniSZA termasuk bidang sukan, malah kursus kursus kemahiran, kursus bahasa, asas perniagaan bagi meningkatkan lagi kehidupan golongan tersebut.

Program berlangsung selama sehari itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Madya Datuk Dr Mohd Hafiz Yusoff.

'KAMI PULA KENA MAKI HAMUN

Kuala Lumpur: Kemudahan disediakan untuk orang kurang upaya (OKU) di tempat awam atau tumpuan ramai masih belum mencapai tahap memuaskan.

Presiden Persatuan OKU Sentral Datuk Ras Adiba Radzi berkata, selain itu pihaknya mendapati kemudahan disediakan sering disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau turut memberikan contoh kemudahan tempat meletak kenderaan selain kemudahan disediakan itu tidak mengikut spesifikasi.

Menurutnya, tanjakan yang disediakan juga tidak mengikut kesesuaian untuk golongan OKU.

"Kebanyakannya membuat tanjakan itu kerana mereka fikir itu adalah curaman yang betul.

"Kita tak boleh buat hentam keromo (tanjakan ini), kita mesti ikut spesifikasi untuk penggunaan (OKU) berkerusi roda," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Ras Adiba berkata, masalah lain dihadapi mereka adalah daripada segi penyediaan tandas OKU yang tidak mencukupi.

"Tandas OKU tidak ada. Kalau ada pun, pintu tidak boleh ditutup. Kemudiannya tandas OKU jadi bilik setor, tempat meletak barang dan menjadi tempat orang tidur," katanya.

Beliau berkata, laluan tactile untuk OKU penglihatan di negara ini juga dilihat masih tidak mencukupi.

"Apabila ada tactile atau ruang untuk orang buta dan kerusi roda lalu, ada sahaja orang yang berniaga di atasnya.

"Kalau nak berniaga, bernialah di tempat lain, janganlah berniaga di atas tempat untuk kami menggunakan kerusi roda atau berjalan kaki.

"Selalunya kalau kami lalu di situ, kami kena maki. Seperti juga kami kena maki apabila nak menggunakan parkir untuk OKU," katanya.

Menurutnya, kebolehcapaian kemudahan untuk komuniti OKU di bandar masih perlu ditambah baik.

Beliau turut mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa berbincang bersama komuniti OKU bagi mendengar luahan kesukaran yang dihadapi mereka.